

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ OMAR [POKOK SENAJ]**
- TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**
- SOALAN : Dato' Haji Mahfuz Omar [Pokok Sena] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan menyatakan kes serangan penyakit padi (Karah Batang) dalam Kawasan MADA terutama bagi yang menggunakan pakej padi kebal yang tidak lagi kebal kepada serangan penyakit dan apakah langkah yang dicadangkan Kerajaan bagi petani mengatasi serangan penyakit seumpama ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Padi (CCS) Kebangsaan setakat 18 Mac 2015, hampir 80% serangan karah adalah sawah yang menggunakan varieti MR220 CL2 di kawasan Muda seluas 5,142 hektar. Pakej Padi Kebal atau istilah rasminya Sistem Pengeluaran (MR220 CL2) mula diperkenalkan pada Julai 2010 dalam kalangan petani untuk mengelak insiden padi angin yang berleluasa pada masa tersebut dan pada masa yang sama mengawal rumpai jenis daun tirus. Ekoran daripada prestasi hasil yang tinggi daripada penggunaan pakej ini telah menyebabkan petani di Kawasan Muda lebih cenderung memilih varieti ini berbanding dengan varieti yang lain. Bagi Musim 1/2014, hampir 70% daripada petani MADA telah memilih pakej ini. Walaubagaimanapun,

varieti ini kurang daya tahan terhadap serangan penyakit yang disebabkan kulat seperti karah daun dan karah tangkai.

Antara langkah yang disyorkan bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:-

- (i) Menggalakkan petani mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu seperti menggunakan benih padi yang sihat dan bebas penyakit serta melaksanakan rawatan terhadap benih padi sebelum ia ditanam;
- (ii) Penggunaan kadar baja seperti yang disyorkan. Sebagai contoh, unsur Nitrogen (N) (kadar disyorkan 120 kg N/ha) yang diberi secara berperingkat mengikut keperluan manakala unsur silika (kadar disyorkan 50-75 kg baja bersilika/ha) sebagai baja asas untuk mengurangkan jangkitan penyakit;
- (iii) Kerjasama antara agensi dalam membangunkan varieti benih padi baru dan rintang terhadap penyakit. Pihak MARDI dan MADA telah mengenalpasti teknologi terkini iaitu menerusi teknologi '*seed coating*' yang diusahakan dengan pihak swasta. Pengujian teknologi ini telah mula dilaksanakan pada Musim 2/2014 dan dijangka dilancarkan pada Musim 2/2015. Teknologi ini diharapkan mampu mencegah serangan penyakit dan perosak pada benih padi pada peringkat awal pertumbuhan.
- (iv) Pelaksanaan kempen kesedaran mengenai penjagaan tanaman dan kawalan terhadap makhluk perosak. Pada tahun 2015, pihak MADA telah merancang 12 siri kempen seperti Kempen Kawalan Perosak dan Penyakit, Kempen Keselamatan Penggunaan Racun, Kempen Pematuhan Jadual Penanaman Padi dan sebagainya.